

PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT

PEMBELAJARAN.

NAMA PUSAT : DISCOVERY CENTRE

PUSAT/FUNGSI : PENEROKAAN

TAJUK / TEMA : MENYUKAT CECAIR

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	MA 1.5	Memahami konsep ketekalan
2	STANDARD PEMBELAJARAN	MA 1.5.1	Menjelaskan ketekalan: 1) Panjang 2) Jirim 3) Isipadu
3	STREAM	S	Meneroka dan berkongsi idea mengenai sifat bahan
		T	bikar, bekas berbagai saiz
		R	Mengamalkan sikap toleransi dalam pergaulan dan berkongsi peralatan.
		E	Melukis paras minyak dalam bekas
		A	Membuat lakaran bentuk peralatan menyukat.
		M	Memahami konsep isipadu
4	OBJEKTIF	Pada akhir pembelajaran, kanak-kanak dapat mengetahui sukatan cecair serta memahami konsep isipadu.	
5	BBM	Petrol, diesel, minyak tanah,bikar,bekas pelbagai bentuk dan saiz , kertas A4,kertas mahjung,corong turas,kad perkataan,pita pelekat	
6	NILAI MURNI	Berkongsi, Sabar, Keselamatan	
7	Strategi Pelaksanaan.	1. Kanak-kanak berada di pusat pembelajaran. 2. Kanak-kanak bersama guru membuat senaman ringan.	

- | | |
|--|--|
| | <p>3. Berbincang dengan kanak-kanak tentang bentuk-bentuk bekas dan bahan yang akan digunakan dalam aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Adakah adik-adik biasa lihat minyak diesel, minyak petrol, minyak tanah? ii) Apakah kegunaan minyak-minyak tersebut? <p>4. Kanak-kanak menyusun dan melekatkan kad perkataan nama minyak pada peta buih di kertas mahjong.</p> <p>5. Kanak-kanak menggunakan 3 bekas yang mengandungi 3 jenis minyak yang disediakan oleh guru di ruang aktiviti.</p> <p>6. Kanak-kanak duduk dalam kumpulan dan guru berbincang dengan kanak-kanak bekas manakah yang mempunyai isipadu minyak yang paling banyak.</p> <p>7. Kanak-kanak merekodkan jumlah sukatan dalam bentuk lukisan.</p> <p>8. Kemudian kanak-kanak diminta untuk menuang 3 jenis minyak itu ke dalam bikar penyukat,mengikut label masing-masing dan melihat isipadu minyak tersebut.</p> <p>9. Guru merekod setiap perbualan ukuran isipadu setiap jenis minyak yang digunakan.</p> <p>10. Guru memilih kanak-kanak secara rawak untuk menceritakan tentang aktiviti yang dijalankan.</p> <p>11. Guru dan kanak-kanak mengemas tempat dan peralatan yang digunakan.</p> |
|--|--|

Nota:

guru boleh menyediakan abm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian